

**PROSES PEMBENTUKAN KATA DIALEK
MELAYU BRUNEI BERDASARKAN TEORI
FONOLOGI-MORFOLOGI LEKSIKAL**

oleh

MARDINA BINTI HAJI MAHADI

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi
Keperluan bagi ijazah Doktor Falsafah

Mac 2005

PENGHARGAAN

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PENGASIH LAGI MAHA PENYAYANG

Syukhur Alhamdulillah, segala puji hanya bagi Allah, selawat dan salam kepada junjungan besar, Nabi Muhammad s. a. w. Dengan taufik dan hidayah serta keizinan-Nya, saya dapat menyiapkan penulisan tesis ini untuk memperoleh ijazah doktor falsafah.

Ucapan terima kasih ditujukan kepada kerajaan Negara Brunei Darussalam yang telah membiayai pengajian Ph.D. saya. Insya-Allah, saya akan berusaha memberi khidmat bakti yang terbaik untuk membangunkan bangsa dan negara. Terima kasih juga ditujukan kepada Universiti Brunei Darussalam kerana memberi peluang kepada saya untuk meningkatkan tahap akademik.

Saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada yang dihormati, Dr. Zahrah binti Ghafur, yang menyelia pada peringkat awal penulisan tesis. Penghargaan ini juga ditujukan kepada Dr. Syed Zainal Ariff bin Syed Jamaluddin dan Dr. Tajul Aripin bin Kassin yang menyelia tesis saya selepas viva. Terima kasih banyak diucapkan kerana telah banyak membantu dan sudi meluangkan masa memberi bimbingan dan pandangan yang membina kepada saya bagi menyiapkan tesis ini. Bantuan dan dorongan daripada penyelia-penyelia telah memberi kekuatan kepada saya untuk menyelesaikan penulisan tesis ini Ucapan

terima kasih juga ditujukan kepada Profesor Mashudi bin Haji Kader yang telah banyak membantu saya. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas segalanya.

Ucapan penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada para informan yang sudi memberi kerjasama semasa sesi temubual. Terima kasih kepada pihak Radio dan Televisyen Negara Brunei Darussalam, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Pusat Teknologi Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam , dan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam yang telah memberi kerjasama dan pertolongan kepada saya untuk mendapatkan buku-buku dan bahan-bahan yang berkaitan dengan kajian. Penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada guru-guru dan para pensyarah yang pernah mendidik dan membimbing saya. Saya tidak akan berada pada tahap ini tanpa adanya didikan daripada guru-guru, dan juga bimbingan daripada para pensyarah.

Sanjungan kasih dan sayang kepada bapa, Haji Mahadi bin Haji Matarsat dan ibu Pengiran Hajah Amidah binti Pengiran Damit yang sentiasa memberi kekuatan semangat, dorongan dan mendoakan kejayaan saya. Terima kasih kepada adik-adik yang sentiasa memberi galakan kepada saya dalam meneruskan perjuangan ini. Tidak dilupakan ucapan terima kasih ditujukan kepada Haji Abdul Ghani Ashari bin Haji Lakim yang memberi motivasi dan nasihat kepada saya supaya bersabar dan bertengang ketika menghadapi kesukaran dalam menyiapkan penulisan tesis ini.

Akhir sekali ucapan penghargaan ini ditujukan kepada sahabat-sahabat. Khususnya kepada Cek Wan Ida, Tim, Jabil, Noni, Idah dari Malaysia, Warjiyo dari Indonesia, Dayangku Sabariah, Dayangku Sarimah, Fatimah, Dayangku Hajah Nur Ashikin, Hajah Tini dan Shamsinar dari Brunei Darussalam serta sahabat-sahabat yang lain. Terima kasih kerana memberi sokongan, motivasi, berkongsi maklumat, dan juga pengalaman. Semoga kita sama-sama berjaya dalam menjalani kehidupan ini dan terus berusaha serta bersabar dalam menghadapi apa-apa **jua** ujian.

Terima kasih.

Ikhlas daripada
Mardina binti Haji Mahadi
Universiti Sains Malaysia.
Mac 2005

PROSES PEMBENTUKAN KATA DIALEK MELAYU BRUNEI

BERDASARKAN TEORI FONOLOGI-MORFOLOGI LEKSIKAL

ABSTRAK

Tesis ini bertujuan untuk mengkaji proses pembentukan kata Dialek Melayu Brunei (DMB) berdasarkan Teori Fonologi-Morfologi Leksikal (F-ML). Tumpuan kajian dibataskan kepada salah satu proses pembentukan kata sahaja, iaitu pembentukan kata terbitan. Proses pembentukan kata terbitan bukan sahaja memperlihatkan aturan fonologi, iaitu perubahan dari segi fonem, tetapi juga hubungan simbiotik antara aturan morfologi dengan aturan fonologi. Kedua-dua aturan tersebut berlaku mengikut susunan tingkat di dalam leksikon. Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti kedudukan penambah-penambah DMB dalam tatatingkat. Selain daripada itu, kajian ini telah mencirikan dengan jelas aturan morfologi dan aturan fonologi yang berlaku mengikut hierarki dalam pembentukan kata terbitan yang terdiri daripada kategori leksikal kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Analisis data telah memperlihatkan hubungan yang berkait antara aturan morfologi dengan aturan fonologi. Kedudukan penambah-penambah DMB dan proses pembentukan kata dapat dikenalpasti secara menyeluruh dari ketertiban aturan morfologi dengan aturan fonologi. Hasil kajian ini telah memperbaharui persepsi tentang pengaplikasian proses pembentukan kata DMB, iaitu proses pembentukan kata bukan sahaja berlaku dalam satu lapisan (selapis), tetapi juga wujud dalam beberapa lapisan.

WORD FORMATION PROCESSES OF BRUNEI MALAY DIALECT BASED ON THE LEXICAL PHONOLOGY-MORPHOLOGY THEORY

ABSTRACT

This thesis tries to study the process of word formation of Brunei Malay Dialect (BMD) based on the Lexical Phonology- Morphology Theory (F-ML). This study focuses on one of the word formation processes, that is derivation. Derivation is not only a phonological process on the aspect of alternation phoneme, but it is has a symbiotic relationship with other morphological processes. All these processes take place at different hierarchical levels in the lexicon. The objective of this study is to identify the hierarchical order of the processing of BMD affixes. This study will also determine the morphological and phonological which the hierarchical processes to derive nouns, verbs, and adjectives. The analysis shows the inter-relationship between the morphological and phonological processes. The position of the affixes of BMD and the process of word formation can also be identified. The results of this study brings a new perspective of looking at word formation process of BMD, that is word formation not a one layer process but more than one.

KANDUNGAN

SENARAI KANDUNGAN	HALAMAN
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Pernyataan Masalah	3
1.3 Tujuan Kajian	8
1.4 Objektif	8
1.5 Definisi Konsep	
1.5.1 Proses Pembentukan Kata	9
1.5.2 Dialek Melayu Brunei	10
1.5.3 Kitaran	12
1.5.4 Tingkat	12
1.5.5 Leksikon	13
1.6 Batasan Kajian	13
1.7 Kepentingan Kajian	16
1.8 Tinjauan Kajian Lepas	18

BAB 2 METODOLOGI KAJIAN

2.1 Pengenalan	22
2.2 Penyelidikan	22
2.2.1 Kaedah Perpustakaan	22
2.2.2 Kaedah Lapangan	23
2.2.3 Penganalisisan Data	24
2.3 Teori Fonologi-Morfologi Leksikal	25
2.3.1 Latar Belakang Teori Fonologi-Morfologi Leksikal	25
2.3.2 Hipotesis Fonologi-Morfologi Leksikal	27
2.3.3 Aturan Morfologi	31
2.3.4 Aturan Fonologi	32
2.3.5 Prinsip-Prinsip Teori Fonologi-Morfologi Leksikal	37
2.4 Penutup	40

BAB 3 SUSUN ATUR PENAMBAH –PENAMBAH DMB MENGIKUT TERTIBAN TINGKAT

3.1 Pengenalan	41
3.2 Susun Atur Penambah-Penambah DMB	41
3.2.1 Susun Atur Penambah Kata Nama	42
3.2.1.1 Penambah {pang}	43
3.2.1.2 Penambah {par}	53
3.2.1.3 Penambah {ka}	57
3.2.2 Susun Atur Penambah Kata Kerja	59
3.2.2.1 Penambah {mang}	60
3.2.2.2 Penambah {bar}	70
3.2.2.3 Penambah {ta}	76
3.2.2.4 Penambah {di}	78
3.3 Penutup	82

SENARAI KANDUNGAN**HALAMAN****BAB 4 PERUBAHAN FONOLOGI LEKSIKAL DALAM
PROSES PEMBENTUKAN KATA DIALEK
MELAYU BRUNEI**

4.1 Pengenalan	83
4.2 Sistem Vokal dan Konsonan DMB	83
4.2.1 Kedudukan Fonem Vokal	84
4.2.2 Fonem Diftong /ay/, /uy/, /aw/	86
4.2.3 Fonem Konsonan	87
4.3 Struktur Suku Kata DMB	90
4.4 Proses Fonologi	92
4.4.1 Asimilasi	93
4.4.2 Pengguguran	96
4.4.3 Penyisipan	97
4.4.4 Nasalisasi Vokal	102
4.4.5 Geminasi	104
4.5 Tekanan	106
4.5.1 Tekanan Utama	107
4.5.2 Tekanan Sekunder	110
4.5.3 Perubahan Tekanan	111
4.6 Penutup	115

**BAB 5 PROSES KITARAN DALAM PEMBENTUKAN KATA DIALEK
MELAYU BRUNEI**

5.1 Pengenalan	116
5.2 Aturan Fonologi DMB	116

SENARAI KANDUNGAN**HALAMAN**

5.3 Aturan Fonologi Pembentukan Dengan Penambah Awalan	116
5.3.1 Penambah Awalan /panj/ ({pang-}) dan /maj / ({mang})	117
5.3.1.1 Proses Kitaran Dengan Penambah Awalan /panj/ {pang} dan /maj / {mang} + Obstruen	119
5.3.1.2 Proses Kitaran Dengan Awalan /panj / {pang} dan /maj / {mang} + likiuda, nasal dan geluncuran	124
5.3.2 Penambah Awalan /par/ dan /bar/	126
5.3.2.1 Proses Kitaran Dengan Penambah Awalan /par/ dan /bar/	127
5.3.3 Penambah Awalan /ta/ dan /di/	129
5.3.3.1 Proses Kitaran Dengan Penambah Awalan /ta/ dan /di/	129
5.3.4 Penambah Akhiran /kan/ {kan}	132
5.3.4.1 Proses Kitaran Penambah Apitan /panj /.../kan/ dan /maj /.../kan/	133
5.3.4.2 Proses Kitaran Penambah Apitan /bar/.../kan/	136
5.3.4.3 Proses Kitaran Penambah Apitan /di/.../kan/	139
5.3.5 Penambah /an/ dan /i/	141
5.3.5.1 Proses Kitaran Penambah Apitan /panj /.../an/, /panj /.../i/ dan /maj /.../i/	142
5.3.5.2 Proses Kitaran Penambah Apitan /par/.../an/, /bar/.../an/ dan /bar/.../i/	148
5.3.5.3 Proses Kitaran Penambah Apitan /ta/.../i/, /di/.../i/ dan /ka/.../an/	156
5.4 Penutup	167

BAB 6 KESIMPULAN

6.1 Pengenalan	168
6.2 Aturan Morfologi	168
6.3 Aturan Fonologi	172

SENARAI KANDUNGAN**HALAMAN**

6.4 Masalah dan Saranan	175
-------------------------	-----

BAB 7 DAPATAN

7.0 Dapatan Kajian	176
7.1 Kedudukan Penambah-Penambah	176
7.2 Bertingkat dan Berlapis	177
7.3 Simbiotik dan Bertatatingkat	178
7.4 Pengkelasan Bunyi Derivasi	179
7.5 Berkitar secara tertib	180
7.6 Aturan Fonologi Tingkat 1	181
7.7 Aturan Fonologi Tingkat 2	182
7.8 Pola Tekanan	182

NOTA KAKI	183
------------------	-----

BIBLIOGRAFI	187
--------------------	-----

LAMPIRAN

Lampiran 1 Peta Negara Brunei Darussalam	204
------------------------------------------	-----

Lampiran 2 Senarai Kata Terbitan	205
----------------------------------	-----

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Proses pembentukan kata melibatkan sekurang-kurangnya dua bidang kajian nahu, iaitu morfologi dan fonologi. Dalam analisis linguistik, bidang yang menghubungkan aspek morfologi dengan fonologi ini disebut sebagai morfofonemik atau morfophonologi¹. Istilah morfophonologi dalam linguistik, pertama kali digunakan oleh N. Trubetzkoy dalam karangannya yang berjudul “sur la morphophonologie” pada tahun 1929 (Mansoer, 1988:84). Morfophonologi ialah, “perubahan bunyi yang berlaku dalam proses penerbitan sesuatu kata” (Abdullah Hassan, 1986: 46), atau “perubahan fonem akibat pertemuan morfem dengan morfem yang menghasilkan kata” (Mansoer, 1988: 84). Menurut Robert A. Hall, morfofonemik menjadi penghubung antara morfem dan fonem, seperti yang berikut:

“Morphophonemics, as a field of linguistics analysis is intermediate between the morphemic and the phonemic levels....it is very useful as a bridge for treating and symbolizing in advance of morphological analysis, those phonemic alternation which are best gotten out of the way before we proceed to the truly significant relationships in morphological structure”.

(Robert A. Hall Jr, 1969:144)

Dalam aliran linguistik generatif, proses pembentukan kata dianggap sebagai salah satu aturan semulajadi (*nature*) yang berlaku di dalam leksikon. Menurut T. Jensen hal seumpama ini telah dikatakan di dalam kajian Chomsky pada tahun

(1970), Siegel pada tahun (1974), dan (1977), Allen pada tahun (1978), dan juga Aronoff pada tahun (1976) (T. Jensen, 1993:156).

“...such studies as Chomsky, Aronoff, Siegel and Allen included that lexicon was the locus of derivational morphology, and for some, inflectional morphology as well”.

(T. Jensen, 1993:156)

Kenyataan seumpama ini turut dikemukakan oleh John Lyons (1981). Beliau menyatakan proses pembentukan kata terbitan berkaitan dengan struktur di dalam leksikon.

“...derivational morphology as something which is not handled by the central syntactic component of the grammar, but as relating to the structure of the vocabulary (or lexicon)”.

(John Lyons, 1981:104)

Leksikon bukan sahaja mengandungi daftar kata bagi tatabahasa (*an appendix to the grammar*) tetapi juga di dalamnya terdapat peraturan penjanaan proses pembentukan kata yang disertai dengan aturan-aturan fonologi (Katamba, 1989). Dengan kata lain, selain sebagai pusat komponen tatabahasa yang mengandungi senarai kata ataupun entri leksikal, leksikon juga dikatakan sebagai lokasi bagi proses pembentukan kata yang berlaku mengikut siri tingkat. Proses berkenaan melibatkan dua aturan, iaitu aturan morfologi dengan aturan fonologi. Menurut Jolanta Szpyra:

“...the lexicon consists of series of levels, which comprises some morphological rules as well as phonological processes”.

(Jolanta Szpyra, 1989:29)

Menurut Kiparsky (1982) aturan-aturan morfologi dengan fonologi yang beroperasi dalam siri tingkat (*series level*) ataupun siri strata (*series stratum*) dan berkitar. Dengan kata lain, setiap proses pembentukan kata akan berkitar melalui aturan morfologi dengan aturan fonologi di setiap tingkat. Setiap pembentukan kata terbitan akan mengalami kitaran. Justeru, kajian yang dilakukan ini antara lain, ialah untuk menggambarkan operasi kedua-dua aturan tersebut, yang dianggap mempunyai hubungan simbiotik. Secara jelasnya kajian ini ialah untuk memberi gambaran bagaimana teori Fonologi-Morfologi Leksikal (F-ML) dapat diaplikasikan dalam pembentukan kata terbitan Dialek Melayu Brunei (DMB).

1.2 Latar Belakang Pernyataan Masalah

Analisis awal proses pembentukan kata dalam bahasa Melayu adalah berbentuk selapis dengan menggunakan Model Penataan (*Item and Arrangement Model*)² iaitu, percantuman antara morfem dasar dengan morfem terikat. Sebagai misalan, kata terbitan *tahunan* adalah gabungan antara morfem dasar {*tahun*} dan morfem terikat akhiran {*an*}. Dalam bahasa Melayu kajian proses pembentukan kata seperti ini telah dilakukan oleh Abdullah Hassan (1974), dan kemudian disusun semula ke dalam buku beliau yang bertajuk *Penerbitan Kata dalam Bahasa Malaysia* (1986). Pertemuan morfem dasar dengan morfem terikat boleh mengakibatkan

pengekalan fonem, perubahan fonem, penambahan fonem, pengguguran fonem, ataupun penyisipan fonem (Abdullah Hassan, 1986).

Antara buku-buku tatabahasa Bahasa Melayu yang dihasilkan menggunakan model tersebut, seperti *Tatabahasa Bahasa Malaysia* (Arbak Othman: 1984), *Nahu Melayu Mutakhir* (Asmah Haji Omar: 1986), *Nahu Melayu Moden* (Liaw Lock Fang & Abdullah Hassan: 1994), *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah et. al: 1996), dan sebagainya. Struktur proses pembentukan kata digambarkan seperti contoh yang berikut:

Arbak Othman . *Tatabahasa Bahasa Malaysia* (1981/84 : 52)

Awalan		kata terbitan
Pe	pe- + nyanyi	penyanyi
	pem- + baca	pembaca
	pen- + dengar	pendengar
	peny- (pen-) + syarah	pensyarah
	peng- + kaji	pengkaji

Nik Safiah et. al. *Tatabahasa Dewan* (1994: 30)

Akhiran		kata terbitan
{-an }	manis + -an	manisan
	gantung + -an	gantungan
	tahun + -an	tahunan
	juta + -an	jutaan

Abdullah Hassan & Liaw Yock Fang. *Nahu Melayu Modern* (1984: 131)

Apitan		kata terbitan
{me- kan}	me + besar + kan	membesarkan
{me - i }	me + baik + i	membaiki
{di - kan}	di + lari + kan	dilarikan
{ber - an}	ber + terbang + an	berterbangan

Asmah Hj. Omar. *Nahu Melayu Mutakhir* (1986: 61)





Sisipan		kata terbitan
{-el-}	tapak	telapak
	kelawar	kelelawar
{-er-}	jejak	jerejak
	gigi	gerigi
{-em-}	turun temurun	temurun
	tali temali	temali

Dalam Bahasa Melayu penambah-penambah³ dinamakan sebagai awalan, akhiran, sisipan dan apitan berdasarkan kepada kedudukan penambah apabila dicantumkan dengan kata dasar secara mendatar. Dalam analisis ini, beberapa kedudukan penambah tidak semestinya berada pada kedudukan yang statik. Misalnya,

proses pembentukan kata penambah akhiran mungkin berlaku lebih awal berbanding dengan penambah awalan ataupun sebaliknya.

Kemudian kajian-kajian proses pembentukan kata dalam bahasa Melayu diterapkan pula ke dalam kerangka teori fonologi generatif (Farid M. Onn:1980, Zaharani Ahmad:1991). Kajian ini masing-masing menumpukan kepada dialek Bahasa Melayu, iaitu Dialek Johor (Farid M. Onn : 1980) dan Dialek Perak (Zaharani Ahmad : 1991). Maka muncul beberapa rumus apabila menjelaskan proses morfonemik bahasa Melayu. Sebagai misalan, (i) rumus pengguguran nasal, (ii) rumus asimilasi nasal, (iii) rumus pengguguran obstruen tak bersuara, (iv) rumus penyisipan schwa (Zaharani, 1999:110). Kajian proses pembentukan kata ini juga berbentuk mendatar (*linear*) ataupun selapis. Fokus kajian yang dilakukan lebih menjurus kepada rumus-rumus fonologi.

Huraian dari sudut tatabahasa generatif juga telah dilakukan oleh Hashim Hj. Musa (1987;1993). Menurut beliau, kata terbitan hasil daripada proses pengimbuhan boleh mempunyai beberapa jenis formatif sebagai dasar yang menerima imbuhan. Formatif dalam bahasa Melayu digolongkan ke dalam tujuh jenis, iaitu awalan, akhiran, lingkungan, sisipan, gandaan, akar dan juga formatif yang bertaraf perkataan. Dalam kajian ini, diperlihatkan kurung berlabel. Pengimbuhan dikatakan hadir serentak serta tersusun dalam bentuk linear. Struktur proses pembinaan perkataan diberi contoh seperti yang berikut (Hashim Musa, 1993:109 & 110).



Memang tidak dinafikan penghasilan kajian-kajian seperti yang disebutkan di atas, adalah sangat penting dan berguna dalam penyelidikan dan juga perkembangan bahasa. Kajian-kajian seumpama itu bukan sahaja dapat menjadi rujukan malah mempelbagaikan lagi penerapan dari segi teori dan aplikasi sesuatu kajian.

Bagaimanapun, kajian-kajian yang dilakukan sebelumnya belum ada memperlihatkan bahawa terdapatnya output daripada proses pembentukan kata, iaitu antara AM dengan AF dapat dikitar semula bagi proses pembentukan kata yang

berikutnya. Selain daripada itu, kajian yang lepas tidak memperlihatkan hubungan yang berkait antara AM dengan AF dalam kedudukan yang bertatatingkat.

1.3 Tujuan Kajian

Dalam teori F-ML diandaikan bahawa proses pembentukan kata berlaku secara berkitar. Output AM dapat menjadi input bagi AF. Kedua-dua aturan ini mempunyai hubungan yang saling berkait antara satu dengan yang lain. Dengan kata lain, **output** (kata terbitan) yang terbentuk mestilah mengikut tertiban tingkat. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menentukan proses yang berlaku dalam AM dan AF dan kedudukan output kata terbitan sama ada terbentuk dari tingkat 1 atau tingkat 2.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti yang berikut:

1. Untuk mengenalpasti kedudukan penambah-penambah DMB dalam tatatingkat.
2. Untuk memformalisasikan dan mencirikan ketertiban proses pembentukan **kata** DMB dalam aturan morfologi dan aturan fonologi.
3. Untuk mengenalpasti aturan-aturan yang perlu dipatuhi pada setiap kitaran.
4. Untuk membentuk kelas kata bunyi derivasi di dalam DMB.

1.5 Definisi

1.5.1 Proses Pembentukan Kata

Proses pembentukan **kata** (*Word Formation process*) merujuk kepada operasi pembentukan kelompok kata. Perkataan-perkataan yang terbentuk adalah hasil daripada proses pengimbuhan, proses pemajmukan dan proses penggandaan. Proses-proses ini dapat membentuk **satu** perkataan baru yang terdiri daripada kata terbitan, kata majmuk ataupun kata ulang. Dari perspektif tatabahasa tradisional, kata terbitan yang dihasilkan adalah melalui proses penambahan, iaitu pencantuman antara morfem terikat (penambah-penambah) dengan morfem bebas (kata dasar). Dari proses ini dikatakan telah membentuk beberapa perkataan baru. Misalnya, kata terbitan kata nama daripada kata kerja (*panabak* daripada *tabak*), kata terbitan kata nama daripada kata adjektif (*pangarasi* daripada *karas*), dan kata terbitan kata kerja daripada kata adjektif (*batawari* daripada *tawar*).

Dari perspektif **kajian** yang dilakukan ini, proses pembentukan **kata** diandaikan menjadi sebahagian daripada aturan-aturan yang telah sedia ada di dalam leksikon penutur. Input proses pembentukan kata terdiri daripada penambah (*affix*) dan kata dasar (*Underived lexical*). Input ini diproses pembentukannya di dalam aturan morfologi dan dihantar ke dalam aturan fonologi. Aplikasi kitaran proses pembentukan kata bermula dari aturan morfologi kemudian melepasinya aturan fonologi

sebelum direpresentasikan dalam bentuk fonetik. Menurut Strauss (1982:157-8) yang dipetik oleh Jolanta:

"The process of word-formation is intrinsically interspersed with the application of cyclic phonological rules. They apply immediately after that affix is attached which, on attachment, contributes to satisfying the structural description of the structural description of the rule. Word- formation rules and cyclic phonological rules alternate with each other in the process of word formation".

(Jolanta, 1989:25)

Output dari proses pembentukan kata pertama dapat dikitar semula, iaitu dijadikan sebagai input bagi proses pembentukan kata kedua. Dalam konteks ini, proses pembentukan kata berlaku secara berkitar.

1.5.2 Dialek Melayu Brunei

Dialek Melayu Brunei (DMB) berbeza dengan Bahasa Melayu Brunei Standard (BMSB). BMSB adalah bahasa rasmi negara yang termaktub di dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959, Bab 82 (1). BMSB digunakan dalam pentadbiran, pengajaran di sekolah-sekolah dan universiti, dalam ucapan-ucapan rasmi dan penyampaian berita-berita melalui media massa. Namun begitu, BMSB tidak digunakan sepenuhnya sama ada di sektor swasta atau sektor awam. BMSB mempunyai ciri-ciri persamaan dengan Bahasa Melayu Standard di Malaysia. Menurut Peter Martin (2001:202), BMSB belum lagi dianggap mempunyai identiti Brunei yang sebenar, sedangkan identiti tersebut ada pada DMB yang dianggap

unggul. DMB ialah bahasa sehari-hari yang digunakan dalam perbualan di kalangan orang-orang Melayu Brunei dan antara orang-orang yang berlainan puak di Brunei. Oleh itu, DMB dianggap sebagai dialek utama dan alat komunikasi yang penting di Negara Brunei Darussalam walaupun sifatnya ‘informal’. Bagaimanapun, beberapa leksikal telahpun dinaiktarafkan sebagai BMBS bagi meningkatkan ciri-ciri kebruneian ke dalam bahasa rasmi. Misalnya, perkataan *biskita* ‘anda semua’, *awda* ‘awang dan dayang’, *ungkayah* ‘diusaha atau dibuat’.

DMB yang dituturkan oleh puak Melayu Brunei terdapat dalam semua daerah di Negara Brunei Darussalam (lampiran 1), iaitu Daerah Brunei Muara, Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong walaupun terdapat variasi dialek dan dialek-dialek lain di dalam daerah tersebut, seperti dialek Kedayan, dialek Kampong Aing, dialek Tutong, dialek Belait, dan dialek Dusun. Bagaimanapun, DMB lebih luas dituturkan di kawasan Bandar Seri Begawan dalam daerah Brunei Muara.

Selain di Negara Brunei Darussalam, DMB juga dituturkan oleh kelompok masyarakat yang terdapat di wilayah-wilayah Sabah dan Sarawak. Di Sabah, DMB dituturkan oleh orang-orang yang tinggal di kampung Beaufort, Labuan dan Sipitang (Pg. Hj. Mahmud Pg. Damit ,1992:82). Di Sarawak, DMB dituturkan di kawasan-kawasan yang bersempadan dengan Brunei (Asmah Hj. Omar,1985:330).

1.5.3 Kitaran (*Cyclicity*)

Konsep kitaran bukan hanya dilabelkan kepada aturan fonologi tetapi juga struktur dari aturan morfologi, iaitu penggabungan penambah dengan kata dasar. Proses pembentukan kata akan dikira sebagai satu kitaran apabila penambah dilekatkan pada kata dasar dan mengalami aturan fonologi. Pelaksanaan kitaran kedua juga sama sebagaimana yang berlaku pada kitaran pertama. Input bagi proses pembentukan kata dalam kitaran 2 adalah terdiri daripada output dari kitaran pertama. Sehubungan dengan itu, dalam teori F-ML konsep kitaran semula boleh berlaku dalam pembentukan kata yang berikutnya.

1.5.4 Tingkat (*Level*)

Konsep ini diperkenalkan oleh Siegel (1974) dalam Hipotesis Ketertiban Tingkat (*Level Ordering Hypothesis*). Kemudian istilah tingkat dikembangkan oleh Allen (1978) untuk menjelaskan perbezaan aturan pembentukan kata dan aturan fonologi yang berlaku dalam blok-blok tertentu. Tingkat juga diistilahkan sebagai strata (*stratum*). Konsep Tingkat pada awalnya adalah untuk membezakan kelas penambah, sama ada berada di tingkat 1 atau tingkat 2, yang didasarkan kepada aturan fonologi. Penambah yang dikelaskan di tingkat 1 adalah lebih dekat dengan kata dasar berbanding penambah yang dikelaskan di tingkat 2.

1.5.5 Leksikon

Leksikon⁴ bukan sahaja mengandungi senarai perkataan yang masing-masing mempunyai sifat idiosintkratik sintaksis, semantik, dan fonologi tetapi juga mengandungi aturan-aturan proses pembentukan kata. Dalam model Fonologi dan Morfologi Leksikal (Kiparsky, 1982), leksikon mengandungi; (a) senarai kata bukan terbitan, (b) aturan-aturan morfologi (proses pembentukan kata) mengikut tertiban tingkat, dan (c) aturan-aturan fonologi mengikut tertiban tingkat.

1.6 Batasan Kajian

Analisis kajian ini hanya dibataskan kepada salah satu proses pembentukan kata, iaitu, pengimbuhan. Pengimbuhan merupakan salah satu proses pembentukan kata yang produktif dalam bahasa Melayu yang tergolong ke dalam jenis bahasa aglutinatif atau bahasa yang bersifat derivatif. Seperti yang dikatakan oleh Nik Safiah (1989:19), “ Jenis bahasa derivatif dapat membentuk kebanyakan perkataan melalui proses pengimbuhan”. Oleh yang demikian, dalam kajian ini difokuskan kepada pembentukan kata terbitan DMB, iaitu pembentukan kata terbitan kata nama, kata kerja, dan kata adjektif. Penambah-penambah yang digunakan di dalam DMB adalah seperti senarai yang berikut:

Penambah awalan:

{pang-}

{mang-}

{bar-}

{di-}

{ta-}

{ka-}

Penambah akhiran:

{-i}

{-an}

{-kan}

Dalam kajian ini, input bagi proses pembentukan kata adalah kata dasar (leksikal), bukannya kata akar. Dalam konteks ini, kata dasar mestilah kata-kata yang memenuhi ciri-ciri khas dari segi fonologinya, morfologinya dan semantiknya, yakni yang gramatis. Dengan kata lain, kata dasar hendaklah terdiri daripada Kata Bukan Terbitan (*Underived Lexical*), yakni morfem bebas. Kata dasar tersebut sudah mengalami kitaran awal dalam aturan fonologi sebelum proses morfologi berlaku bagi menghasilkan pembentukan kata.

Dalam kajian ini, aturan fonologi hanya difokuskan kepada komponen leksikal yang sensitif dengan morfologi. Dalam erti kata yang lain, struktur pembentukannya tidak melepas sempadan kata. Dalam teori Fonologi-Morfologi

leksikal, komponen fonologi mempunyai 2 modul, iaitu leksikal dan pasca-leksikal (*post-lexical*). Modul 1 aturan-aturan pasca-leksikal melepas sempadan kata (*across word boundaries*). Modul 2 aturan leksikal struktur pembentukan dikekalkan (*structure preserving*), iaitu output setiap pembentukan mestilah kata. Berikut disenaraikan ciri perbezaan antara leksikal dan pasca-leksikal.

Senarai ringkas perbezaan antara leksikal dan pasca-leksikal.

Aturan Leksikal	Aturan Pasca-Leksikal
Sempadan kata	Tidak ada sempadan kata
Struktur dalaman kata dalam Tingkat yang sama	Struktur frasa
Mendahului pasca-leksikal	Selepas aturan leksikal
Berkitar	Tidak berkitar
Mengikut tertiban	Tidak mengikut tertiban
Mengekalkan struktur	Tidak mengekalkan struktur
Aplikasi hanya pada Kategori leksikal	Semua kategori
Ada pengecualian	Automatik

(Kiparsky, 1983:5)

1.7 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah untuk memberi gambaran bahawa pengaplikasian proses pembentukan kata dapat berlaku mengikut tertiban tingkat secara berhieraki di dalam leksikon. Operasi proses pembentukan kata di dalam leksikon akan melalui (*passing by*) aturan morfologi dengan aturan fonologi. Oleh itu, output dari kitaran 1 dapat dikitar semula (*recycle*) bagi proses pembentukan kata yang berikutnya.

Kajian ini adalah sebagai satu sumbangan kepada pengkajian bahasa, khususnya dalam memperlihatkan perkaitan hubungan antara morfologi dengan fonologi. Hubungan kedua-dua aspek ini digambarkan mempunyai hubungan sangat erat dalam setiap proses pembentukan kata. Dengan adanya penelitian mengenai kaitan kedua-dua aspek ini, akan dapat menjelaskan lagi operasi bahasa yang bersifat berpadu (*united*).

Kajian ini adalah sebagai salah satu cara mempelbagaikan dan mengembangkan perspektif kajian bahasa yang berlandaskan kepada sesuatu teori dan pendekatan supaya dapat menjanakan pemikiran yang luas dalam ilmu linguistik. Selain untuk memajukan dan mengembangkan ilmu linguistik di Negara Brunei Darussalam, penerapan teori ini juga bertujuan untuk melihat kesesuaianya di dalam DMB kerana model MFL dianggap sebagai model yang bersifat sejagat (*universal*). Seperti yang dikatakan oleh Kiparsky bahawa model ini bersifat sejagat dan boleh diterapkan ke dalam bahasa-bahasa lain selain daripada bahasa Inggeris.

Secara tidak langsung, kajian ini juga dapat membantu dalam penyelidikan leksikografi. Pengklasifikasian kata terbitan yang disenaraiaturkan dapat dimasukkan ke dalam daftar kamus DMB secara tulisan. Dengan cara ini, ia dapat menambah koleksi senarai daftar kata yang dibukukan dan sekaligus ia dapat mengekalkan kata-kata DMB supaya tidak pupus. Masalah kepupusan bahasa memang boleh terjadi. Sesuatu bahasa itu sentiasa berubah-ubah mengikut peradaban. Dengan menyenaraikan kosa kata Brunei dalam bentuk tulisan ia dapat menonjolkan keunikan identiti Brunei melalui bahasa. Misalnya, dari perkataan-perkataan dialek seperti, *mamucang-mucang* ‘bergotong-royong’, *diungkayahkan* ‘diusahakan’, *badugal* ‘mengalami gastrik’ adalah antara beberapa kosa kata DMB yang telah menjadi BMSB.

Di samping itu, kajian DMB ini, diharap dapat menjadi rujukan kepada pengkaji-pengkaji dalam bidang-bidang lain. Seperti yang dikatakan oleh James T. Collins, DMB menyumbang kepada pengkajian Sejarah Bahasa Melayu di Pulau Borneo sama ada dari segi fonologi, morfologi dan kosa kata DMB.

1.8 Tinjauan kajian Lepas

Baik di dalam bahasa Melayu Standard (Baku) maupun bahasa Melayu dialek, pendekatan teori F-ML belum ada dilakukan oleh para pengkaji bahasa secara menyeluruh. Abdullah Hassan ada menyatakan di dalam kajian beliau *The Morphology of Malay* (1974) yang disusun semula di dalam *Penerbitan kata dalam Bahasa Malaysia* (1986) bahawa pengimbuhan dalam bahasa Melayu mempunyai beberapa lapisan. Namun begitu, beliau tidak mengkajinya secara terperinci dan menyeluruh. Beliau cuma menyatakan, seperti dalam petikan yang berikut:

“Pengimbuhan berlapis berlaku apabila dasarnya bukan hasil terbitan, seperti seorang (seorang). Pengimbuhan dua lapis seperti keseorangan (seorang + ke....an). Pengimbuhan tiga lapis ialah apabila dasarnya sudah mengalami dua kali peng-imbuhan, seperti berkesorangan (ber + keseorangan). Biasanya, tidak ada pengimbuhan lebih daripada tiga lapis”.

(Abdullah Hassan , 1986:43)

Satu-satunya kajian yang berkaitan telah ditulis oleh Zaharani (1999) dalam *Jurnal Bahasa* apabila beliau membahaskan isu kelegapan (*opacity*) asimilasi nasal bahasa Melayu dari sudut fonologi leksikal. Beliau mengatakan pendekatan ini berjaya menangani isu kelegapan nasal yang terjadi di sempadan akhiran. Selain dapat menjelaskan aspek fonologi, dikatakannya juga pendekatan ini dapat membantu memperjelas aspek morfologi bahasa Melayu.

Dalam konteks di Negara Brunei Darussalam, kajian bahasa mengenai aspek morfologi dan fonologi DMB memang banyak dilakukan oleh para pengkaji. Namun, belum ada kajian DMB yang memperlihatkan perkaitan tentang hubungan dua bidang linguistik tersebut, khususnya proses pembentukan kata yang melibatkan kedua-dua aturan, iaitu aturan morfologi dengan aturan fonologi. Huraian dari kajian lepas tentang proses pembentukan kata DMB lebih difokuskan kepada komponen morfologi sahaja. Secara deskriptif, pengkaji-pengkaji menerangkan bagaimana proses imbuhan-imbuhan DMB digabungkan pada kata dasar bagi menghasilkan bentuk kata terbitan, penggolongan dalam kelas-kelas tertentu dan makna sesuatu kata terbitan. Selain daripada itu, mereka melakukan perbandingan morfologi antara DMB dengan dialek-dialek yang ada di Brunei, seperti dialek Kedayan, dialek Tutong dan perbandingan DMB dengan bahasa Melayu Standard(BMS).

Pada tahun (1986) Mataim bin Bakar menganalisis tentang DMB yang bertajuk *Dialek Melayu Brunei: Satu Tinjauan Kajian Lampau*. Selain mengulas kajian awal DMB yang ditulis oleh penulis tempatan dan luar negeri, beliau juga menyenaraikan bentuk-bentuk imbuhan DMB yang dipakai oleh penutur DMB daripada lima wacana lisan yang dirakamkan. Dari kajian yang dilakukan beliau mengatakan terdapat 7 imbuhan awalan, iaitu {baR-}, {ta}, {sa-}, {ka-} {di-}, {maN-} dan {paN-}, 3 imbuhan akhiran, iaitu {-kan}, {-an}, {-i} dan 9 imbuhan apitan {baR-...-kan}, {baR-....-an}, {ka-....-an}, {paN-...-an}, {maN-...-kan}, {maN-....-i}, {di-....-i} dan {ta-....-i}.

Dalam kertas kerja yang bertajuk *Serba-Serbi Bahasa Melayu Brunei*, oleh Mangantar Simanjuntak (1987) juga menyenaraikan empat jenis imbuhan DMB yang dinamakan sebagai afiksasi yang terdiri dari awalan (*prefix*), akhiran (*suffix*) , apitan (*confix*), dan sisipan (*infix*). Di samping itu, beliau menjelaskan mengenai reduplikasi yang terdapat di dalam DMB.

Pada tahun (1991) Poedjosoedarmo Soepomo menghuraikan imbuhan {i} dari segi frekuensi, cara memahaminya, fungsi dan maknanya. Menurut beliau frekuensi pemakaian {-i} dalam Dialek Melayu Brunei lebih kerap berbanding dalam Bahasa Melayu Standard. Fungsi imbuhan {-i } tidak hanya membentuk kata kerja saja, malah juga kata benda (kata nama). Di samping itu, beliau memberi pengkelompokan makna imbuhan {-i} mengikut gabungannya dengan kelas kata.

Pg. Hjh. Aminah binti Pg. Ahmad (1992) telah membuat kajian pemakaian akhiran {-i} dalam dialek Melayu Kampong Ayer (DMKA). Menurut beliau, fungsi akhiran {-i} adalah untuk membentuk kata kerja lokatif, intransitif lokatif dan kata nama.

Armah binti Haji Othman (1993) menulis mengenai {-kan} dalam DMB. Beliau menjelaskan tentang bentuk, distribusi, fungsi dan makna {-kan}. Menurut beliau, imbuhan {-kan} di dalam DMB tidak merubah bentuk kata dasar yang mengikutinya. Fungsi akhiran {-kan} di dalam DMB ialah menjadikan kata yang bergabung menjadi kata kerja transitif. Makna terperinci bagi akhiran {-kan} bergantung kepada jenis kata dasar yang menggabungi {-kan}.

Pada tahun yang sama (1993), Haji Jaludin Haji Chuchu menghasilkan kajian tentang imbuhan{-i} dan {-kan} yang menggunakan pendekatan yang sama, seperti yang dilakukan oleh Pg. Hajah Aminah dan Armah. Penelitian yang sama juga dilakukan iaitu tentang bentuk, distribusi, fungsi dan makna imbuhan {-i } dan {-kan}.

Pada tahun (1994) Noralam menulis *Perbandingan Morfologi Dialek Melayu Brunei dengan Bahasa Melayu Standard*. Perbincangan berkisar tentang perbandingan suku kata, morfem, kata dan proses-proses morfologi, seperti pengimbuhan, penggandaan, pemajmukan dan akronim. Pada tahun yang berikutnya Hajah Rakiah binti Haji Simbran (1995) menulis tentang *Dialek Melayu Brunei dan Bahasa Tutong: Satu Perbandingan dari sudut Morfologi*. Aspek-aspek yang dibandingkan ialah kewujudan morfem dan proses morfologi yang meliputi pengimbuhan, penggandaan, dan akronim ataupun penyingkatan. Manakala, Alidin bin Haji Zainin (1995) telah membuat perbandingan antara Dialek Melayu Kedayan dengan Dialek Melayu Brunei dari sudut morfologi. Aspek-aspek yang dibandingkan ialah kewujudan morfem, pola-pola pengsukukataan dan proses morfologi, iaitu dari segi pengimbuhan dan penggandaan.

Mardina binti Haji Mahadi (1997) menulis kajian yang bertajuk Morfologi Kata Nama Dialek Melayu Brunei. Dalam kajian ini, diuraikan bentuk-bentuk kata nama, penggolongan makna umum dan makna khusus bagi setiap imbuhan, pengulangan dan pemajmukan yang menerbitkan kata nama .

BAB 2

METODOLOGI KAJIAN

2.1 Pengenalan

Beberapa kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Ia meliputi kaedah perpustakaan, kaedah lapangan dan penganalisisan data. Selain daripada kaedah-kaedah penyelidikan, dalam kajian ini juga menerapkan teori F-ML. Oleh itu, dalam bab metodologi kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama akan dijelaskan kaedah-kaedah penyelidikan dan bahagian kedua akan dijelaskan mengenai teori yang diaplikasikan dalam kajian ini.

2.2 Penyelidikan

2.2.1 Kaedah Perpustakaan

Data dikumpulkan dari beberapa sumber. Antaranya ialah senarai kata terbitan DMB yang termuat di dalam kamus Dialek Melayu Brunei, terbitan Dewan dan Pustaka Brunei Darussalam, senarai kata terbitan yang sudah terkumpul daripada kajian yang dilakukan oleh penulis dan pengkaji-pengkaji lain. Selain daripada itu, data diperolehi daripada kertas kerja dan artikel yang termuat di dalam buku dan juga jurnal.

2.2.2 Kaedah Lapangan

Kaedah lapangan dalam kajian ini amat perlu bagi mengetahui bagaimana sesuatu kata terbitan tersebut dibunyikan oleh penutur asli DMB. Kaedah dilakukan dengan tiga cara, iaitu melalui temu bual, rakaman drama radio dan pemerhatian.

(i) Temu bual

Penulis telah menemubual tiga orang informan. Informan pertama bernama Pg. Hajah. Kamaliah binti Umar, berusia 80 tahun. Informan kedua, Hajah Tampui binti Haji Muhamad, berusia 75 tahun . Informan ketiga, Hajah Sakdiah binti Yasin, berusia 73 tahun . Para informan diminta bercerita cara kehidupan dan kebudayaan orang-orang melayu Brunei pada zaman sebelum kemerdekaan. Perbualan ini telah dirakam secara terbuka.

(ii) Rakaman drama

Penulis telah mendapatkan rakaman drama-drama yang menuturkan DMB, yang telah disiarkan oleh Pihak Radio dan Televisyen Brunei. Tajuk-tajuk drama adalah seperti yang berikut:

- (1) Gaplah
- (2) Astaga
- (3) Kaluarga Pak Naim barhari raya.

(iii) Pemerhatian

Bagi teknik pemerhatian langsung, penulis hanya akan mendengar perbualan-perbualan mereka, seperti di kedai, tamu (pasar), dan upacara kenduri kahwin. Penulis membuat catatan yang difikirkan relevan sahaja.

2.2.3 Penganalisisan data

Langkah pertama, menyenaraikan kata-kata terbitan sama ada yang telah dirakam, yang dituturkan atau yang tersenarai di dalam teks.

Langkah kedua, menyusun semula dan mengenalpasti kata-kata terbitan tersebut mengikut kedudukan penambah yang dilekatkan dengannya.

Langkah ketiga, mendengar semula rakaman yang dituturkan bagi meneliti dan mengamati bagaimana sesuatu kata terbitan itu dibunyikan dan meminta beberapa orang penutur DMB mengujarkannya jika kata-kata terbitan tersebut diperolehi daripada teks.